

# PELITA BRUNEI

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 30 RABU 26 JULAI, 1967. 1387 رابو 18 ربيع الاخير PERCHUMA

### PUCHOK PIMPINAN KESATUAN BUROH PERLU DASAR TOLAK ANSOR

**KUALA BELAIT.**— Pesurohjaya Buroh Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah menerangkan dengan panjang lebar tentang tanggung-jawab dan kewajipan pemimpin2 kesatuan sekerja.

Berucap kepada anggota2 Kesatuan Buroh Kerajaan chawangan Belait pada hari Juma'at lalu, pesurohjaya itu berkata, kewajipan mereka yang pertama ia-lah menghormati undang2 dalam memimpin kesatuan2 buroh untuk mencapai tujuan2 dan matalamat2 mereka.

Pesurohjaya itu telah mengingatkan pemimpin2 kesatuan sekerja dari menyalahi undang2 tuboh kesatuan2 mereka.

Kata-nya, puchok pimpinan kesatuan2 hendaklah berjuang sa-chara berperlembagaan dan tuntutan2 hendaklah di-buat melalui ibu pejabat kesatuan itu.

#### PEKERJA GAJI HARI

Pengiran Bahar berkata, kerajaan telah mengi tiraf hak2 kesatuan buroh kerajaan dan telah pun menyetujui permohonan-nya bahawa pekerja2 gaji hari yang berjasa di-berikan kenaikan pangkat sa-bagai pekerja2 gaji bulan.

Pesurohjaya itu berkata, pertimbangan sedang di-berikan juga untuk memberikan kenaikan pangkat kepada pekerja2 gaji hari yang lain-nya. Kesatuan buroh kerajaan telah di-tubuhkan untuk memperjuangkan hak2 anggota2-nya, meninggikan taraf hidup mereka dan memperbaiki hubungan di-antara majikan dengan pekerja.

Untuk mencapai tujuan2



PENGIRAN BAHAR

ini, Pesurohjaya Buroh telah menasihatkan pemimpin2 kesatuan supaya bekerjasama sesama mereka dan menerima baik prinsip bertolak ansor dalam usaha menyelesaikan mana2 masa'alah atau pertelingkahan yang di-hadapi oleh kesatuan mereka.

Pengiran Bahar menegaskan bahawa chara2 perundingan

yang lain tidak mungkin berhasil kerana chara2 itu bukan sahaja menyalahi undang2 kesatuan malahan membazir dan tidak berguna.

Sa-lanjut-nya pesurohjaya itu telah mengingatkan pemimpin kesatuan sekerja dari melibatkan diri dalam gerakan2 politik sama ada sa-chara langsung atau sa-balek-nya apabila berjuang bagi kebajikan kaum pekerja.

#### PERPADUAN

Politik, kata beliau, adalah asing kepada prinsip2 pergerakan kesatuan sekerja.

Pesurohjaya itu menasihatkan pekerja2 supaya menentang sa-barang perhubungan oleh anasir2 luar untuk memecah belahkan perpaduan kaum pekerja.

Beliau meminta pemimpin2 kesatuan sekerja memberitahu Pejabat Buroh sa-barang champor tangan luar dalam urusan dan pertadbiran kesatuan supaya tindakan serta merta akan dapat di-ambil untuk membetulkan kedudukan sa-umpama itu.

Ahli2 buroh di-seru: jangan champor politik

**KUALA BELAIT.**—Pesurohjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah mengingatkan seluruh ahli2 Kesatuan Buroh Kerajaan supaya tidak menchamporkan masa'alah politik dalam hal2 kesatuan tersebut.

Beliau menekankan bahawa ahli2 kesatuan itu hendaklah menghalakan perjuangan-nya bagi faedah kaum buroh di-negeri ini dengan melalui landasan2 undang2 kesatuan itu.

Awang Salleh berkata demikian ketika berucap di-Majlis Hari Ulang Tahun Kesatuan Buroh Kerajaan Brunei, bahagian Kuala Belait yang telah di-langsungkan pada hari Juma'at lepas.

Di-samping itu Aw. Salleh telah juga menyeru ahli2 kesatuan itu dan raayat di-negeri ini supaya sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan demi untuk mengujudkan keamanan dan kemakmoran.

Mengenai pendidikan pula, Pesurohjaya Kebajikan itu telah mengharap kepada ahli2 kesatuan dan para ibu bapa supaya menumpukan perhatian terhadap pendidikan anak2 mereka demi untuk kepentingan negara di-masa yang akan datang.

"Pada masa hadapan, Negeri Brunei ada-lah memerlukan lebeh banyak orang2 yang berpelajaran dan berpengetahuan tinggi untuk mengisikan kerusi2 yang akan di-kosongkan oleh Pegawai2 yang kita pinjam dari luar negeri yang patut di-isikan oleh raayat tempatan", tegas Awang Salleh.

Oleh itu beliau menyeru seluruh lapisan raayat supaya menyedari akan hal ini dan menumpukan perhatian bagi meninggikan ilmu pengetahuan masing2 bagi persediaan untuk menghadapi masa hadapan.

### DATO WHITE GANTI TEMPAT DATO PRETTY SA-BAGAI WAKIL KERAJAAN DI-LONDON

**BANDAR BRUNEI** — Kerajaan Brunei telah melantek Dato Seri Utama Sir Charles Dennis White sa-bagai wakil kerajaan di-London.

Dato Seri Utama Sir Dennis White menggantikan tempat Dato E. E. F. Pretty yang telah meninggal dunia bulan lepas.

Wakil baru kerajaan itu dulu-nya memegang jawatan Pesurohjaya Tinggi British bagi Brunei dan jawatan British Resident sa-hingga tahun 1959 apabila jawatan tersebut di-mansuhkan sa-baik2 sahaja Brunei mencapai taraf Kerajaan sendiri bagi urusan2 da-

lam negeri.

Satu pengumuman kerajaan berkata, "alamat wakil baru itu ia-lah 101 Grand Building, Trafalgar Square, London.

Sa-lain dari menyandang jawatan sa-bagai wakil kerajaan, Dato Seri Utama Sir Charles Dennis White juga menjadi Pengarah Bahagian Penuntut Brunei.

# Kerja2 mengubah daftar2 pengundi berjalan dgn baik berkat kerjasama orang ramai

**BANDAR BRUNEI** —Penyelia Pilehan Raya Awang Matnoor McAfee mengumumkan, bahawa kerja2 pendaftaran untuk mengubah daftar2 pengundi akan selesai dalam tempoh yang di-jadualkan yang akan berakhir pada 12 Ogos.

Kerja2 itu yang di-mulakan pada 12 Julai ada-lah di-buat pada tiap2 tahun di-bawah syarat2 pilehan raya yang di-kanunkan.

Awang Matnoor berkata, laporan2 permulaan menunjukkan bahawa 131 buah rombongan pendaftaran yang di-tugaskan untuk menguruskan beberapa buah daerah pilehan raya hampir2 selesai dengan tugas2 mereka.

## JALAN LANCHAR

Penyelia itu menyatakan, kerja2 pendaftaran berjalan dengan lincin kerana kerjasama yang sedia ada dari orang ramai.

Pengubahan tahunan ka-tas daftar2 pengundi itu ia-lah untuk membolehkan mereka yang layak sa-bagai pe-

ngundi2 ia-itu dengan genap umur-nya 21 tahun pada 11 Julai supaya di-daftarkan dalam daftar2 pengundi.

Ia-nya juga untuk mendaf-tarkan orang2 yang mana sejak pengubahan tahun lalu telah mendapatkan sijil kera-ayatan dan juga orang2 lain yang layak mendaftarkan diri mereka tetapi telah tidak berbuat demikian pada tahun lalu.

Pengubahan tersebut ada-lah juga untuk membolehkan sa-orang pengundi yang berdaftar memindahkan tempat

pendaftaran-nya berikutan dengan penukaran alamat.

Awang Matnoor sa-lanjut-nya berkata, pendaftaran sa-orang pengundi ada-lah untuk satu kawasan pilehan raya sahaja untuk membolehkan orang itu menjadi chalon atau mengundi dalam sa-suatu pilehan raya.

## BALAI2 PULIS DI-DIRIKAN DI-TEMBURONG

**TEMBURONG.** — Daerah Temburong tidak lama lagi akan mempunyai balai pulis-nya yang kedua apabila balai pulis baru di-Labu Estate siap untuk di-duduki dalam masa tiga minggu lagi.

Pesuruhjaya Pulis, Awang J. R. H. Burns berkata di-bawah ranchangan yang mem-berikan keselamatan yang lebeh baik kepada penduduk2 Temburong, dua buah balai pulis baru akan di-bena lagi di-Batu Apoi dan Bokok.

## KAWASAN PENDALAMAN

Balai2 baru itu yang di-sifat-kan sa-bagai balai2 pulis di-kawasan pendalaman di-taksir-kan berharga kira2 \$12,000 tiap2 sa-buah.

Awang Burns berkata, kerja2 untuk menyediakan tapak bagi balai pulis di-Bokok itu sekarang sedang di-jalankan dan pembenaan bangunan itu akan di-mulakan tidak lama lagi.

Tawaran bagi pembenaan balai pulis di-Batu Apoi itu telah juga di-luluskan dan per-sediaan2 tapak-nya akan di-mulakan tidak lama lagi.

## Kerajaan haramkan akhbar HK "Siang Pau"

**BANDAR BRUNEI.** — Ke-rajaan Brunei telah meng-haramkan akhbar Hongkong yang berhaluan kiri, *Siang Pau* dari di-bawa masuk, di-jual atau di-sebarkan di-negeri ini.

Naskah2 akhbar itu baru2 ini telah di-rampas oleh cha-wangan khas di-Bandar Bru-nei.

Pesuruhjaya Pulis, Awang J. R. H. Burns berkata, sa-barang penerbitan baru akhbar tersebut yang tiba di-negeri ini akan di-rampas di-bawah un-dang2 dzarurat.

Awang Burns menerangkan bahawa tindakan terhadap akhbar Hongkong *Siang Pau* itu di-ambil kerana pemberita-an2-nya yang mengapi2kan tentang kekacauan2 pro-kom-unis yang berlaku sekarang di-Hongkong.

## Peraduan membaca Koran dan sharahan murid2 ugama

**BANDAR BRUNEI** — Per-tandingan membaca Al-Koran dan sharahan bagi mu-rid2 sekolah ugama bahagian Brunei Satu, telah di-langsong-kan pada hari Jumaat lepas di-Madrasah Jabatan Ugama, bandar Brunei.

Majlis peraduan itu di-buka oleh Yang Berhormat Awang Othman bin Sunggoh, sa-orang ahli majlis mashuarat negeri.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Nazir Sekolah2 Melayu bahagian Brunei Satu, Tuan Haji Mohamad Yassin.

Peraduan tersebut di-ada-kan kerana memilih wakil ba-hagian Brunei Satu ke-pertan-dingan Koran dan sharahan perengkat daerah, yang akan di-langsungkan bulan Oktober.

Dalam pertandingan mem-bacha Koran bahagian lelaki Awangku Esa bin Pengiran Omar dan Awangku Abdul Aziz bin Pengiran Sabtu, telah di-pilih untuk mewakili Bru-nei Satu, sementara bahagian perempuan di-wakili oleh Dayang Faridah binte Zarkasi dan Dayang Aisah binte Mo-hamed Hussain.

Dalam peraduan sharahan, pula akan di-wakili oleh Awg. Abdul Rahman bin Mohamed Nor dan Awang Zaharuddin b. Abdul Latif, sementara ba-hagian perempuan-nya Dayang Noridah binte Mohamed dan Dayang Izah binte Haji Tuah.

## \$11,000 sumbangan raayat Brunei bagi membantu bangsa2 banjir Malaysia

**BANDAR BRUNEI** — Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Khamis untuk menyerahkan satu cek berharga \$11,000 kepada Menteri Kebajikan Malaysia.

Wang tersebut merupakan sumbangan dari raayat dan penduduk2 Brunei kepada Ta-bong Mangsa Banjir Malaysia dan telah di-kumpulkan oleh Jawatankuasa Derma Banjir Negeri Brunei yang telah di-bentuk tidak berapa lama sa-lepas berlaku-nya malapetaka banjir di-Malaysia Barat.

Pengiran Damit berkata, derma yang di-sumbangkan itu datang-nya dari semua la-pisan raayat dan penduduk2

di-negeri ini.

Di-antara mereka ia-lah raayat jelata, pegawai2 ke-rajaan, pekerja2 di-gedong2 perniagaan, orang2 Melayu, China, Eropah dan penduduk2 lain di-negeri ini.

Pengiran Damit telah di-iringi oleh Awang Ong Kim Kee, Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China, Bandar Brunei apabila beliau menyer-ahkan cek itu di-kementeri-an Kebajikan pada 21 Julai lepas.



Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh (kiri) dan Awang Ong Kim Kee, Yang di-pertua Dewan Perniagaan China, di-gambar sa-jurus sa-belum mereka berangkat ka-Kuala Lumpur.

## PELAJARAN BAHASA MELAYU DI-RADIO

**BANDAR BRUNEI** — Radio Brunei telah memulakan pe-lajaran2 bahasa Melayu dalam ranchangan Inggeris-nya mulai dari 24 Julai ini.

Pelajaran2 itu ada-lah dalam bahasa Melayu yang mudah dan di-siarkan sa-lepas siaran warta berita pada pukul 9-15 malam.

Pelajaran2 tersebut di-tuju-kan terutama sekali kepada peminat2 Radio Brunei yang tidak bertutor dalam bahasa Melayu dan di-adakan sa-lama dua atau tiga minit.

# 48 orang anggota Palang Merah Brunei terima pingat dan sijil kerana kebaktian



Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi sedang menyematkan pingat kepada Dk. Maskatun bte Pengiran Haji Abu Bakar.



Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari anggota Palang Merah sebelum beliau menyampaikan sijil dan pingat kepada anggota2 tersebut. Di-kiri sekali ia-lah Awang S. Palaniandy, Pengarah Palang Merah Chawang Brunei.

**BANDAR BRUNEI.** — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang F. D. Webber, pada hari Jumaat yang lalu telah menyampaikan hadiah yang berupa pingat dan sijil, kepada 48 orang anggota Palang Merah Brunei.

Mereka menerima hadiah tersebut, kerana perkhidmatan dan jasa yang di-berikan ketika wabak cholera merebak di-negeri ini.

Terdahulu sa-belum menyampaikan pingat2 dan sijil2 itu, Tuan Yang Terutama Awang Webber, telah memeriksa satu barisan kehormatan, oleh anggota yang menerima hadiah itu, di-padang besar, bandar Brunei.

Perbarisan di-ketuai oleh Awangku Mohamed.

## 430 EKAR TANAH DI-BERI GERAN KEKAL SEMENTARA 35 EKAR DI-TOLAK

**BANDAR BRUNEI**—Pesuruhjaya Tanah, Awang B.C. Cartland mengumumkan keputusan2 bagi semua kechuali dua permohonan tanah di-daerah Temburong.

Satu kenyataan yang di-terbitkan oleh Pesuruhjaya itu minggu lepas berkata, kerajaan telah meluluskan geran tanah buat selama2-nya bagi 68 bidang tanah, berjumlah 430 ekar dan geran tanah pajak sa-lama 60 tahun bagi dua bidang tanah sa-luas 8.77 ekar.

Kenyataan itu berkata, kerajaan telah menolak empat permohonan kerana mendapatkan kira2 18.16 ekar kerana pemohon2 itu telah pun memilekki tanah untuk tanam2-an yang mereka berchandang hendak menanam-nya yang di-permohonkan itu.

Empat lagi permohonan

bagi kira2 17.25 ekar tanah telah di-tolak kerana tanah2 itu mungkin di-kehendaki untuk tujuan2 orang ramai.

Awang Cartland berkata, permohonan2 yang di-sebutkan itu ada-lah untuk tanah2 pertanian dan telah di-buat sa-belum tahun 1955.

Dalam bulan Oktober tahun

1964, kerajaan memutuskan untuk menggantungkan pertimbangan2 ka-atas permohonan2 yang terkumpul itu sehingga ka-semua permohonan2 itu dapat di-kemukakan serentak.

Sungguh pun bagitu, kerajaan baru2 ini memutuskan hendak mula menimbangkan permohonan2 tersebut yang telah pun di-sediakan untuk di-kemukakan.

Awang Cartland berkata, permohonan2 sa-belum tahun 1955 di-daerah Tutong tidak lama lagi akan di-kemukakan kepada kerajaan untuk mendapatkan keputusan dan sa-lepas itu pula permohonan2 daerah Belait.

## SITUYU MINGGU INI



SETIAP RAKYAT BERTANGGUNG JAWAB UNTUK KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA

26 Julai, 1967.

## SATU MATALAMAT PERJUANGAN

MELIBATKAN diri sa-saorang kepada banyak jurusan, baik dalam gerakan persatuan2 belia, kesatuan2, persekutuan2 dan parti2 politik telah menjadi satu kenyataan bahawa kejayaan sukar di-chapai dengan sempurna-nya.

Jika sa-saorang itu menchampur-baurkan kerja2-nya dari satu kerja ka-satu kerja yang lain dan melibatkan diri pula ka-beberapa lapangan yang lain, maka matalamat yang hendak di-chapai-nya harus tidak akan sampai dan akhir-nya tidak ada satu lapangan pun yang akan menjadi perinsip hidup-nya.

Saperti yang pernah di-laung2kan oleh pemimpin2 dunia yang menekankan 'bahawa hidup ada-lah untuk berjuang' yang berarti kita mesti dengan perjuangan masing2 dan dalam berbagai2 perkara.

Hakikat ini memang menjadi kenyataan bahawa kita hidup mesti memperjuangkan sesuatu, baik memperjuangkan diri kita untuk mencapai ka-satu taraf hidup yang lebih baik, mahu pun memperjuangkan untuk meninggikan taraf hidup bangsa, keagongan agama dan kegemilangan tanah ayer. Semua ini ada-lah jurusan2 perjuangan yang melibatkan diri kita, dan kita ada-lah sukar untuk melepaskan diri, malah kita yakin, kita mesti berjuang dalam jurusan2 yang kita perjuangkan.

Tetapi, ada-lah menjadi satu perkara yang kurang baik pula jika 'perjuangan' itu kita salah gunakan dan kita sengaja menyelewengkan jurusan perjuangan kita itu kepada jurusan yang lain yang padah-nya nanti tidak ada satu matalamat yang kita chapai dengan sempurna.

Dua orang pegawai kanan Kerajaan, Pesurohaya Buroh dan Pesurohaya Kebajikan telah menasihatkan kepada ahli2 Kesatuan Buroh Kerajaan supaya perjuangan mereka jangan sampai menyalahi undang2 kesatuan itu. Tanggong jawab pemimpin2 kesatuan sekerja yang utama sa-kali ia-lah menghormati undang2 untuk lebih mendekatkan kepada terchapai-nya tujuan2 atau matalamat yang sa-benar2-nya di-perjuangkan kerana kebaikan kaum buroh. Bagitu juga ketika hendak mengemukakan sa-suatu tuntutan kerana kaum buroh biar-lah tuntutan itu di-perjuangkan sa-chara berperlembagaan.

Tujuan Kesatuan Buroh Kerajaan di-ujudkan ada-lah untuk memperjuangkan hak2-nya, meninggikan taraf hidup mereka dan memperbaiki hubungan di-antara majikan dengan pekerja.

Untuk mencapai tujuan pokok ini harus-lah perjuangannya di-sertai dengan sifat bertolak ansor ketika menghadapi mana2 masalah. Ini ada-lah penting bagi kesatuan dan jika chara perundingan yang tidak di-sertai sifat bertolak ansor itu mungkin hasil-nya tidak boleh di-chapai dengan baik.

# DBP DENGAN KEGIATAN2-NYA SAMBIL HADAPI BANGUNAN BARU

DEWAN Bahasa dan Pustaka akan berpindah ka-bangunan-nya yang baru di-sabelah Bangunan baru Radio Brunei sa-belum akhir bulan Ogos.

Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa ini di-tempatkan di-dalam sa-buah bangunan yang sama dengan Jabatan Pelajaran.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Dato Paduka Haji Awang Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar berkata, pembena2 bangunan itu memberikan jaminan kepada beliau bahawa ia-nya akan siap untuk diduduki pada tarikh yang di-jadual selesai-nya pembenaan bangunan tersebut.

Bangunan baru itu merupakan sa-buah bangunan enam tingkat dan telah di-bentuk sa-bagitu rupa untuk memenuhi keperluan2 Dewan Bahasa yang semakin meluas.

Dato Paduka Haji Awang Jamil berkata, satu keistimewaan dalam bangunan baru itu ia-lah ujud-nya sa-buah lukisan dinding yang di-buat dari bermacam2 potongan kaca, batu dan sa-bagai-nya yang berwarna warni untuk melambangkan penghidupan di-negeri Brunei.

Thema lukisan itu yang melambangkan seni lukis, kebudayaan, pelajaran pengliporan dan perusahaan telah di-lukis oleh Awangku Asmali bin Pengiran Ahmad, sa-orang pelukis Brunei yang pada masa ini berada di-United Kingdom kerana menjalani satu kursus lanjutan dalam seni lukis.

Pengarah itu menyatakan, bahawa lukisan dinding tersebut telah di-pesan dari sa-buah sharikat di-negeri Italy dan telah pun di-hantar ka-negeri Brunei. Potongan2 kaca yang berwarna warni itu akan di-chantumkan untuk menghiasi dinding bahagian luar bangunan dengan Jalan Elizabeth.

Ukuran-nya ia-lah 20 kaki lebar dan 120 kaki panjang.

Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei masa ini sedang giat mengusahakan penerbitan beberapa buah buku2 yang mengandongi buku2 pelajaran di-sekolah2 rendah dan menengah, Sejarah Brunei, Kamus Daerah Brunei dan buku bacaan untuk kanak2.

### BUKU PELAJARAN

Dato Paduka Haji Awang Jamil menyatakan bahawa buku pelajaran bagi sekolah2 Melayu rendah yang mengandongi 12 siri sedang dalam perchetakan.

Di-tanya mengenai buku2 teks untuk sekolah2 menengah, beliau menyatakan bahawa jurusan itu ada-lah terkandung dalam rancangan jangka panjang jabatan-nya dan buku2 itu pasti akan diterbitkan nanti.

Menyebut mengenai penerbitan Buku Sejarah Brunei, Pengarah Dewan Bahasa itu menekankan bahawa chita2 untuk menerbitkan buku itu memang sudah ada sejak beberapa tahun yang lalu.

Walau macham mana pun, kata-nya, pegawai2 jabatan-

nya masa ini sedang mengumpul bahan2-nya di-samping menerima artikel2 sejarah untuk di-jadikan buku.

Beliau menyeru penulis2 tanah ayer supaya menghantar artikel2 mereka yang berkaitan dengan Sejarah Brunei.

Ketika di-tanya mengenai Kamus Daerah Brunei, Pengarah Dewan Bahasa itu tersenyum lebar sambil menekankan bahawa memang penting kamus Bahasa Brunei itu diterbitkan memandangi perkembangan Bahasa Melayu dewasa ini.

Bahasa Brunei, tegas beliau, mempunyai persamaan2 dengan Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia dan sudah sa-wajar-nya Kamus Bahasa Brunei itu di-terbitkan.

Dato Paduka Haji Awang Jamil menegaskan tentang penyalenggaraan untuk menerbitkan kamus itu sedang giat dijalankan, walau pun ia-nya merupakan satu pekerjaan

yang memakan masa yang panjang.

Mengenai buku bacaan biasa untuk kanak2, beliau tidak putus2 menegaskan bahawa buku itu akan terbit dalam jangka waktu tidak berapa lama lagi.

Nama buku itu, kata-nya, memang sesuai dengan alam kanak2 yang inginkan pada sa-suatu yang menarik dan bersifat mekar.

### MEKAR

Mekar, tegas beliau, sedang di-chetak dan insha Allah buku itu akan tiba ka-pangku-an anak2 tidak lama lagi.

Dato Paduka Haji Awang Jamil menegaskan bahawa tujuan buku "Mekar" itu diterbitkan ia-lah untuk menanamkan semangat di-kalangan anak2 kita supaya lebih mementingkan bahasa ibunda mereka agar jangan sampai mereka

(Lihat Muka 5)



Bangunan baru Dewan Bahasa dan Pustaka



Perpustakaan bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka.

## DBP DENGAN KEGIATAN2-NYA

(DARI MUKA 4)

nanti menjadi petualang bahasa.

Beliau menjelaskan bahawa anak2 mesti tahu kemajuan bahasa ibunda mereka sa-bagaimana ia-nya di-mestikan diketahui oleh orang2 dewasa.

Beliau menegaskan buku bacaan sekolah2 rendah Melayu "Si-Hitam" chetakan pertama tidak lama lagi akan di-siarkan ka-sekolah2 di-negeri ini.

Buku itu, ia-itu buku kedua dalam siri 12 buah buku yang telah di-karang oleh lembaga pengarang dewan tersebut sabagai buku2 bacaan tambahan bagi sekolah2 rendah telah di-karang oleh pengarang Dewan, Awang Muslim Burmat.

Buku bacaan pertama Awang Muslim bagi sekolah2 rendah telah di-terbitkan pada awal tahun ini.

Dato Paduka Haji Awang Jamil menjelaskan, sa-puluh buah lagi buku2 bacaan tambahan bagi sekolah2 rendah sedang di-dalam perchetakan di-Singapura.

Semua buku2 itu di-hias dengan banyak gambar2 yang di-maksudkan untuk mengujikan kechenderongan dan minat membacha di-kalangan murid2

kecil di-sekolah2 Melayu.

Sa-hingga ini, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan dua buah buku bacaan dewasa ia-itu Bahana dan Beriga.

Bahana yang di-terbitkan tiga bulan sekali di-isikan dengan artikal2 bahasa dan kebudayaan, sementara Beriga yang baru saja di-terbitkan mengandongi artikal2 ilmu pengetahuan yang ilmiah yang di-tulis oleh propeser2 di-seluruh dunia.

Langkah menerbitkan buku Beriga itu ia-lah memberi pertolongan kepada orang2 Melayu yang tidak mengetahui Bahasa asing kerana artikal2 ilmu pengetahuan yang di-muat dalam buku itu ada-lah terjemahan2 Bahasa asing ka-Bahasa Melayu.

Ketika di-tanya mengenai Perpustakaan bergerak, Dato Paduka Haji Awang Jamil menegaskan bahawa sa-bahagian dari kelengkapan2 untuk lapangan itu sudah pun diperolehi.

Apabila persediaan2 dan kelengkapan2 itu menchukupi, maka perkhidmatan Perpustakaan Bergerak itu akan di-jalankan segera, tegas Dato Paduka Haji Awang Jamil.

## PERSEDIAAN2 PERAYAAN BAGI PERKAHWINAN DI-RAJA GIAT DI-KERJAKAN

**BANDAR BRUNEI** — Pintu2 gerbang akan di-bena di-ibu kota untuk mengalu2kan perkahwinan di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof yang akan berlangsung pada 18 Ogos.

Pintu2 gerbang itu akan di-hadiahkan oleh sharikat2 perniagaan, persatuan2 dan kumpolan2 termasuk jabatan2 kerajaan.

Setiausaha Jawatankuasa Pintu Gerbang Perkahwinan Di-Raja, Pengiran Tuah bin Pengiran Mohammed Daud berkata, pintu2 gerbang itu akan di-bena di-beberapa tempat di-sepanjang jalan mulai dari Istana ka-tembatan di-Bandar Brunei.

Beberapa kumpulan telah memohon untuk mempersembahkan pintu2 gerbang bagi menguchapkan ta'niah kepada mempelai di-raja itu.

Pengiran Tuah berkata maseh ada lagi ruang bagi beberapa buah pintu gerbang lagi

dan permohonan untuk pembenaan-nya akan di-tutup tidak lama lagi.

Pembenaan pintu2 gerbang akan di-mulakan dalam minggu depan dan mesti-lah siap pembenaan-nya pada 15 Ogos.

Sementara itu, persiapan2 untuk mengadakan perayaan di-Padang Besar, Bandar Brunei sedang giat di-lancarkan. Pentas2 ada yang telah siap di-dirikan dan pemasangan lampu2 chuchul sedang lanchar di-jalankan di-bangunan2 Pejabat2 Kerajaan dan perniagaan2. Gambar2 b a w a h menunjukkan kerja2 mendirikan pentas dan gerai serta pemasangan lampu chuchul di-bangunan Jabatan2 Kerajaan.

## AHLI2 AMDB BERKURSUS DI-U.K.

**BANDAR BRUNEI** — Sa-orang Sarjan dan dua orang Koprak dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas pada hari Isnin lepas ka-United Kingdom untuk menghadiri satu kursus bahasa Ingeris sa-lama lima bulan di-Beacons Field, Buckinghamshire.

Mereka ia-lah Sarjan Abdul Samad bin Haji Abang, Koprak Murni bin Taha dan Koprak Kadir bin Metali.

Sa-telah tamat berkursus, Koprak Murni dan Koprak Kadir akan kembali ka-tanah ayer, manakala Sarjan Abdul Samat pula akan terus berada di-Britain kerana menjalani satu lagi kursus sa-lama tiga bulan ia-itu kursus latehan Senjata Pasokan Pegawai Yang Tidak Bertauliah di-Sekolah Persenjataan Ringan di-Hyke dalam Daerah Kent.

## Bola tampar terbuka pada pemain2 amateur

**BANDAR BRUNEI** — Perlawanan bola tampar terbuka kepada pemain2 amateur sistem kalah mati bagi Bandar Brunei telah di-mulakan pada hari Ahad lalu dengan di-adakan empat perlawanan di-padang SMJA.

16 buah pasokan telah mendaftarkan diri untuk mengambil bahagian dalam perlawanan itu dan pasokan2 itu telah di-bahagikan kepada dua kumpulan yang bertentangan.



## Rombongan suntek ubat Kolera ka-Belait

**KUALA BELAIT.** — Rombongan penyuntik Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah memulakan bertugas di-Daerah Belait mulai hari Isnin lepas untuk menyuntik orang ramai dengan ubat mencheгах penyakit kolera.

Suntekan itu di-adakan sabagai langkah perlindungan sahaja. Pada masa ini tidak terdapat kejadian penyakit kolera di-negeri ini.

Rombongan tersebut akan melawat 64 buah kampung dan sekolah dan di-jadualkan

menyempurnakan tugas mereka pada 10 Ogos.

Apabila mereka memulakan kerja2 di-daerah itu, rombongan itu akan menyuntik penduduk2 di-Munong, Ujong Daun, Kuala Balai dan Sungai Teraban.

# Jawatan-Jawatan kosong

## DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN

PERMOHONAN2 adalah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

### PEMBANTU RANCHANGAN TINGKATAN III

KELAYAKAN2:

(a) *Bahagian Melayu:*  
(4 kekosongan)

Mesti-lah lulus Form III Inggeris dan Darjah V Melayu.

(b) *Bahagian China:*  
(2 kekosongan)

Mesti-lah lulus Form II Inggeris atau yang bersamaan dan 'Chinese Senior Middle Three'.

Chalon2 akan di-uji bagi menentukan sama ada mereka sesuai untuk jawatan ini.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 EB 4 - \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bukan dari raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan. Chalon2 yang terdiri dari raayat atau berhak di-daftarkan menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

BAKSIS:

Bagi chalon2 yang berjaya yang di-lantek sa-chara ber-

kontrek, baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1967.

## Sa-bagai Tukang Lukis di-Talikom

PERMOHONAN2 adalah di-jemput dari chalon2 yang menjadi raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memenohi satu jawatan sa-bagai Tukang Lukis di-Jabatan Talikom, Brunei.

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

(a) Pemohon2 hendak-lah lulus Form III dalam bahasa Inggeris atau yang sa-imbang dengan-nya; dan

(b) Pemohon2 hendak-lah sa-kurang2-nya telah mempunyai pengalaman sa-lama 3 tahun sa-bagai Tukang Lukis.

GAJI:

Dalam sukatan gaji E.1 - 2 EB 3 - \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330 sa-bulan.

Permohonan2 hendak-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1967.

## PENOLONG PENGARANG DI-DEWAN BAHASA

PERMOHONAN2 adalah di-jemput bagi memenohi jawatan Penolong Pengarang di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei (satu jawatan kosong).

KELAYAKAN2 DAN PENGALAMAN:

(a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang mempunyai kelulusan bahasa Melayu yang baik.

(b) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang baik dalam hal mengarang makalah dan cerita pendek.

(c) Berpengalaman dalam kerja2 Majallah dan akhbar sa-lama sekurang2-nya dua tahun.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubaaan sa-lama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Bagi chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan siji2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Ogos, 1967.

## Peti2 surat khas untuk pengembara2

**BANDAR BRUNEI** — Ketua Pos Agong Tuan Haji Ali Khan telah merayu kepada orang2 yang baru tiba dan pengembara2 di-Brunei supaya mendaftarkan nama mereka di-pejabat pos jika mereka ingin menggunakan peti surat khas yang di-sediakan untuk mereka.

Kata-nya, peti surat khas itu di-maksudkan untuk menempatkan benda2 yang di-kirim melalui pos bagi pengembara2 yang tidak mempunyai alamat2 yang tetap di-bandar Brunei.

Tuan Haji Ali Khan berkata, pengembara2 dan orang2 yang baru tiba telah membuat pertanyaan2 di-meja panjang pejabat pos kerana surat2 mereka dan kakitangan2 pos telah membantu mereka.

"Amalan sa-rupa ini, kata beliau, ada-lah menyalahi peraturan pos dan kakitangan2 pos di-bolehkan enggan menjawab pertanyaan2 mengenai surat2, dan benda2 yang di-kirirkan melalui pos jika yang bertanya itu bukan-lah sa-orang yang telah mendaftarkan alamat-nya kerana menggunakan kemudahan2 peti surat khas itu.

Tuan Haji Ali Khan berkata, sa-orang pemohon bagi alamat peti surat khas ada-lah di-kehendaki juga untuk menyatakan dari tempat atau daerah manakah dia menjangka akan menerima surat2 kiriman dan mesti-lah menunjukkan bakti pengenalan sa-belum di-daftarkan.

### PENDAFTARAN

Pendaftaran boleh di-buat pada sebarang masa ketika pejabat pos di-buka kerana menjalakan kerja2 kepada orang ramai.

Untuk menchegegah dari ber-

laku-nya kesilapan dan menjamin bahawa surat2 kiriman itu di-serahkan kepada yang berhak, pengenalan orang yang di-alamatkan oleh surat itu mesti-lah di-sahkan terlebih dahulu sa-belum sesuatu barang kiriman di-benarkan meninggalkan meja panjang tersebut.

Surat2 yang di-alamatkan kepada huruf2 pertama nama sa-saorang atau kepada nama2 khalayan tidak akan di-serahkan melalui peti surat khas itu tetapi akan di-kirim kepada pejabat surat yang tidak dapat di-kesan penerima-nya untuk di-paparkan.

## \$330 kutipan untuk Asrama orang2 tua di-Seria

**SERIA**—Asrama Orang2 Tua di-Seria telah menerima wang sa-banyak \$330 dari hasil kutipan majlis dansa untuk memungut derma yang telah dianjurkan oleh anggota2 tentera di-negeri ini.

Pengerusi Lembaga Pentadbir Asrama itu, Dato P. A. Coates ketika mengumomkan penerimaan wang tersebut berkata lebeh dari 200 orang telah menghadiri majlis dansa itu yang di-adakan di-Khemah Bolkih dekat dengan Bandar Brunei.

Di-antara yang hadir ia-lah Pesuruhjaya Kebajikan, Awg. Salleh bin Haji Masri dan setiausaha pertama kepada Pesuruhjaya Tinggi Awang R. W. Bird dan Puan Bird.

*Gunakan-lah Bahasa Melayu*

# PENGHORMATAN 35 TAHUN BERKHIDMAT KAPADA KETUA INSPEKTAR PENGIRAN HAJI ABBAS



Pengiran Haji Abbas, Ketua Inspektor yang akan bersara sedang memeriksa barisan kehormatan yang terdiri 300 anggota polis dan rekrut.

**BANDAR BRUNEI** — Sa-orang Pegawai Polis Di-Raja Brunei, minggu lepas telah di-berikan penghormatan untuk memeriksa satu upacara Perbarisan kerana sembahyang Juma'at di-Bandar Brunei menjelang hari persaraan-nya.

Pegawai itu ia-lah Ketua Inspektor Pengiran Haji Abbas telah berkhidmat dalam pasukan Polis Di-Raja sa-lama 35 tahun, dan menaikki pangkat-nya dari sa-orang anggota polis berpangkat biasa.

Pesurohjaya Polis Awang J. R. H. Burns telah membenarkan perbarisan tersebut sebagai tanda menyampaikan penghormatan pasukan itu kerana sifat rajin yang telah dibuktikan oleh Pengiran Haji Abbas dalam kerja-nya dan kegiatan2 ugama.

Lebeh dari 300 orang anggota pasukan polis yang di-dahului oleh pasukan Pancharagam Polis Di-Raja Brunei termasuk kira2 150 orang rekrut telah mengambil bahagian.

Rekrut2 itu di-jadualkan akan bertolak ka-Malaysia Barat pada minggu ini kerana latihan di-depoh latihan Polis Di-Raja Malaysia di-Kuala Lumpur.

Penolong Pesurohjaya Polis Awang Miller yang telah berucap dalam perbarisan itu bagi pehak pesurohjaya polis menggesa rekrut2 itu supaya berkelakuan sopan santun dalam tempoh mereka menjalani latihan itu di-seberang laut.

Awang Miller mengingatkan mereka bahawa kumpulan2 rekrut yang lampau dari negeri ini telah berkelakuan baik ketika menjalani latihan dan berjaya menamatkan latihan itu dengan chemerlang-nya.

Beliau melahirkan harapan bahawa rekrut2 baru akan mencontohi rekrut2 yang terdahulu dari mereka dan mempertahankan nama baik Brunei sa-bagai duta2 tidak rasmi bagi negeri ini.

## Dayang Rogayah chalon W.I. ka-seminar di-Manila

**BANDAR BRUNEI.** — Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei telah menyalonkan Yang Di-Pertua-nya, Dayang Rogayah binte Abdul Rahman untuk mewakili persatuan perkumpulan itu dalam seminar daerah Persekutuan Perempuan2 Desa Sa-Dunia yang akan berlangsung di-Manila pada bulan hadapan.

Beliau akan berlepas ka-Manila pada 28 Julai bersama2 dengan Dayang Norsham binte Ahmad Yunos sa-bagai wakil pengganti.

Seminar itu akan berjalan sa-lama 12 hari mulai dari 1 Ogos dan akan di-hadiri oleh pertubohan2 perempuan di-Asia termasuk mereka yang berada di-Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak.

## Perayaan sa-lama tiga minggu kerana istiadat perkahwinan Di-raja

**BANDAR BRUNEI** — Jawatankuasa Peringkat Tinggi yang ditubuhkan oleh Ketua Adat Istiadat kerana istiadat perkahwinan di-raja di-antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamed Yusof telah meranchangkan hendak mengadakan pesta sambutan sa-lama tiga minggu untuk merayakan perkahwinan di-raja itu.

Perkahwinan itu telah di-umumkan akan di-adakan pada 18 Ogos.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Adat Istiadat berkata perayaan2 itu akan di-mulakan dengan berlangsung-nya Istiadat Jaga2 di-Istana pada 30 Julai.

Pesta2 sambutan itu kebanyakan-nya akan di-tumpukan di-padang besar Bandar Brunei dan di-perkarangan Istana. Semua bentuk hiburan sedang di-pertimbangkan.

Di-Padang Besar, Bandar Brunei sa-buah pentas sedang

di-dirikan bagi pertunjukan kebudayaan semua kaum dalam mana bumiputera2 negeri ini seperti Dusun, Dayak, Belait, Brunei, Tutong dan Kedayan akan mengambil bahagian.

Penduduk2 asing, yang terdiri dari orang2 Malaysia, Singapura, Filipina, Eropah, India, China dan Gurkha akan turut mengambil bahagian dan akan menghidangkan pertunjukan2 aneka ragam yang akan melambangkan tarian2 dan muzik kebangsaan mereka.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Mucra, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 26 Julai, 1967 hingga ka-hari Selasa 1 Ogos, 1967 adalah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
26	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
27	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
28	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
29	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
30	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
31	Julai	12-32	3-49	6-42	7-53	4-43	4-58	6-16
1	Ogos	12-30	3-48	6-40	7-51	4-43	4-58	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

## Perlumbaan jalan kaki anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong

**KERIAM, TUTONG** — Persatuan Melayu Keriam, Tutong akan menganjorkan perlumbaan jalan kaki bagi kali yang ke-IV pada 13 Ogos yang akan datang.

Perlumbaan akan di-bahagikan kepada tiga bahagian.

Bahagian persa-orangan lelaki dewasa dan kanak2, bahagian perempuan dewasa dan kanak2 dan bahagian berpasokan yang mengandongi 6 orang.

Bahagian persa-orangan lelaki dan perempuan ada-lah terbuka kepada seluruh peminat2 sokan tanah ayer dan bahagian berpasokan hanya terbuka kepada persatuan2 dan pertubohan2 di-daerah Tutong sahaja.

Bayaran masuk bagi peserta2 persa-orangan ia-lah sa-banyak

\$1.00 tiap2 sa-orang dan \$5.00 bagi bahagian berpasokan.

Borang2 dan butir2 lanjut boleh di-dapati daripada Awang Sulaiman Abdul Rahman, di-Pejabat Tanah, Bandar Brunei, Awang Ahmad Shah bin Abd. Rahman di-Maktab Anthony Abell, Seria, Awang Kani bin Md. Said di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong, Awang Jait bin Hitam, Pejabat Perubatan, Brunei dan Awang Ahmad bin Munchong di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Borang2 yang sudah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Perlumbaan Persatuan Melayu Keriam Tutong tidak lewat daripada 30 Julai, 1967.

Kenderaan2 bagi seluruh peserta akan di-sediakan.

## DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA BERANGKAT BALEK

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota dan rombongan di-jadualkan berangkat tiba dari London pada hari Ahad, 30 Julai, 1967 ini kira2 pukul 12.15 tengah hari.

Untuk mengalu2kan keberangkatan pulang ka-tanah ayer, Duli Yang Teramat Mulia akan di-sambut di-lapangan Terbang Berakas oleh Ketua2 Jabatan, Pegawai2 Pentadbir Brunei dan orang2 kenamaan.

Turut bersama2 rombongan Duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah adinda-nya, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohammad Bolkiah

Isteri Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Anak Saleha telah pun berangkat pulang bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dalam minggu lalu.

## Perbuatan budak2 nakal kereta2 mesti di-kunchi

BANDAR BRUNEI — Pehak Pulis telah menasihatkan orang ramai yang berkereta supaya mengunchi pintu2 kereta mereka apabila meninggalkan di-bandar tanpa jaga.

Ini berikutan dengan beberapa perchubaan nakal oleh budak2 lelaki di-bandar Brunei yang mana pada minggu lalu telah menggelidat dan membongkar di-bahagian dalam sa-tengah2 kereta yang tidak di-jaga.

Sa-orang juruchakap pulis berkata, budak2 lelaki itu lari sa-baik2 sahaja melihat tuan2 punya kereta menghampiri kereta mereka.

Setakat ini tidak ada aduan yang telah di-buat bahawa sesuatu yang berharga telah di-ambil dari kereta2 yang di-bongkar oleh kanak2 itu.

Juruchakap itu meminta orang ramai yang berkereta supaya jangan mendorongkan budak2 itu untuk men-churi dengan meninggalkan apa2 benda yang berharga atau berguna di-dalam kereta2 mereka dengan tidak di-kunchi atau di-jaga kereta2 itu ketika meletakkan-nya di-tempat2 penerarahan kereta dalam bandar.

## Ahli2 Persatuan Peladang Kg. Sebakit melawat Pusat Pertanian Kilanas

KILANAS.— Sa-ramai 76 orang peladang dari Kampong Sebakit, Tutong telah mengakhiri satu kursus pertanian sa-lama saminggu dengan melawat pusat pertanian Kilanas.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pertanian ia-lah untuk mendampingi peladang2 di-kampong itu dengan kaedah2 berchuchok tanam sa-chara moden.

Sa-panjang minggu itu, satu rombongan pengajar2 terdiri dari anggota2 kanan kakitangan kerja luar jabatan pertanian telah memberikan nasihat dan tunjok ajar kepada peladang2 mengenai chara2 mem-perbaiki taraf hidup di-kam-

pong2.

Rombongan itu melakukan demikian dengan melawat kawasan2 tanaman peladang2 itu untuk menunjukkan chara2 praktikal memelihara pokok2 dan tanam2an.

Pertunjokan2 telah juga di-

berikan mengenai jurusan2 perladangan yang tertentu seperti menanam padi dan memelihara ikan, menternak ayam, memelihara tanam2an, mengawal tanam2an dan chara2 menggunakan baja.

Sa-orang juruchakap jabatan pertanian berkata, setakat ini anggota2 dari 44 buah persatuan2 peladang di-negeri ini telah menghadiri kursus sa-rupa itu di-kampong2 mereka.




Ahli2 Persatuan Peladang Kg. Sebakit sedang di-tunjukkan oleh sa-orang Pegawai Pertanian contoh tanaman padi yang baik.

## DUA ORANG PEMIMPIN PENGAKAP BRUNEI HADHIRI JAMBORI DI-AMERIKA

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pemimpin pengakap Brunei telah berlepas ka-Amerika Sharikat semalam untuk menghadiri jambori pengakap sa-dunia bagi kali yang ka-21 yang akan di-adakan di-Idaho dari 1 hingga 9 Ogos.

Mereka ia-lah Pesuruhjaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad dan Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tutong, Awang Mohamed Metamit bin Iradat.

Sa-lepas menghadiri jambori pengakap sa-dunia itu, Ak. Tajuddin dan Aw. Metamit akan meneruskan perjalanan mereka ka-Seattle untuk menghadiri persidangan pengakap sa-dunia yang ka-12. Gambar atas di-ambil di-lapangan terbang Berakas. Dari kiri Awang Metamit, Ak. Tajuddin Awang Haji Ali Khan dan Aw. Shabbuddin bin Saleh.



## AWANG SALLEH AKAN RASMIKAN PEMBUKAAN PERSATUAN "PERKA"

BERAKAS. — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri akan merasmikan pembukaan Angkatan Persatuan Pemuda Pemudi Perpindahan Kampong Ayer, Berakas yang akan di-langsungkan dalam satu majlis di-Dewan Sekolah Melayu Dato' Marsal pada hari Juma'at 28 Julai ini.

Dalam majlis itu, Awang Salleh akan menyampaikan ucapan nasihat untuk panduan ahli2 persatuan itu. Menurut ranchangan, antara yang akan beruchap dalam majlis itu termasuk-lah Pengelola Persatuan2 Belia Negeri Bru-

nei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah, Timbalan Yang Dipertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Sunny bin Haji Idris dan Ketua Kampong Setia Jaya dan Bakti, Awang Ibrahim bin Abdul Rahman.